

Tembok dikhuatiri tumbang sedang dibaiki

KAMPUNG SAWAH - Isu tembok sebuah sekolah Kafa di Kampung Sawah yang berisik tumbang dan dikhuatiri menghempap pelajar kini sedang dalam pembalkan.

Eko Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, beliau mengaku pagar yang diperlakukan kira-kira 200 meter yang menjadi kelembaman ibu bapa itu telah dialami perhatian seperti yang dimaklumkan pada 17 Februari menerusi kenyataan media siaran akbar ini.

Menurutnya, isu sebenarnya telah dimaklumkan semasa lawatannya sempena Program di Kampung Sungai Buaya sejak tahun lalu.

"Saya akui berdepan dengan sedikit kelewatan disebabkan tiada permohonan awal dan tiada dalam peruntukan tahun ini."

"Peruntukan infrastruktur Kafa sebenarnya tiada dalam peruntukan tahunan kerajaan negeri, tetapi dari sumber-sumber lain seperti Zakat Selangor dan tabung amanan pembangunan yang lain," katanya mengulas mengenai tindakan yang dilakukan oleh pihaknya.

AHMAD YUNUS

Pembangunan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) mengambil tanggungjawab untuk menangani dan menyelesaikan isu ini sejak ia dikebaikan dalam akbar Februari lalu dalam akbar Februari lalu.

Ujarnya, kerajaan negeri mengambil tanggungjawab berdasarkan peruntukan yang ada dan keutamaan projek yang dirancang dalam tahun semasa.

"Kerajaan negeri menyambut baik segala saranan daripada masyarakat dan bersikap profesional tanpa menyalahkan mana-mana pihak lain," katanya.



Kedua terkini tembok sekolah Kafa terlibat yang telah dirobohan bagi tujuan baik pulih.

Sebuah lagi laluan diarahkan tutup

Kali ini melibatkan laluan di Jambatan Sungai Rambai Kecil

SUNGAI RAMBAI - Sebuah lagi laluan di Jambatan Sungai Rambai Kecil diarahkan tutup berdasarkan pemeriksaan yang telah dilakukan oleh Bahagian Kejuruteraan Pemulihan Jambatan, Kawangan Senggarai Fasiliti Jalan dan Bahagian Forensik Jambatan, Kawangan Jalan, IPJKR Malaysia kelmarin.

Sebelum ini, pemeriksaan awal yang dilakukan pada 23 Julai lalu mendapati Jambatan Sungai Rambai Besar telah mengalami kegagalan struktur jambatan.

Jurutera Daerah, Jabatan Kerja Raya, Ir Mohd Shahril Mohd Said berkata arahan supaya kedua-dua lorong menghalau ke Klang ditutup supaya mengurangkan risiko runtuhnya di dua jambatan berkenaan.

Menurutnya, buat masa ini terdapat dua lokasi lencongan jalan se-hala di laluan bertantang-



Laluan lencongan terbaru yang terpaksa digunakan oleh pengguna jalan raya akibat penutupan sebuah lagi jambatan di kawasan berhampiran.

INFO
• Sebarang pertanyaan mengenai penutupan boleh dirujuk ke JKR Daerah Kuala Langat melalui talian 03-31871040/1025

an dari Klang ke Banting akan bermula dari selesa Masjid Sungai Rambai se-

ingga Simpang Jalan Sungai Rambai (Jambatan Sungai Rambai Besar).

"Dalam masa sama, sebuah lagi lencongan selepas Stesen Minyak BHP sehingga hadapan Balai Bomba Telok Panglima Garang (Jambatan Sungai Rambai Kecil) turut diwujudkan."

Mohd Shahril berkata, pengguna juga digalakkan menggunakan laluan alternatif lain sama ada dari Banting ke Klang atau Klang ke Banting melalui Jalan Kampung Jenjarom-Jalan

menggunakan laluan alternatif yang telah disenaraikan," katanya kepada *Sinar Harian* memaklumkan mengenai penutupan sebuah lagi jambatan.

Mohd Shahril berkata, pengguna juga digalakkan menggunakan laluan alternatif lain sama ada dari Banting ke Klang atau Klang ke Banting melalui Jalan Kampung Jenjarom-Jalan

Sukepi-Jalan Peladang-Jalan Merbuk-Jalan Garuda-Jalan Kebun dan melalui Jalan Sultan Abdul Samad (B58)-Jalan Serdang Belah-Jalan Sungai Buaya-Jalan Pusara-Jalan Segening Jalan Bandar Lama-Bulatan Pulau Carey.

Katanya sebarang pertanyaan mengenai penutupan ini boleh dirujuk ke JKR Daerah Kuala Langat melalui talian 03-31871040/1025 un-

tuk keterangan lanjut.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati, lencongan kedua yang disorkan tutup sejak kemarin itu turut menjadi tanda tanya pengguna jalan raya apabila kerja-kerja pembentakan masih belum dijalankan.

Kebanyakan pengguna yang melalui laluan tersebut berharap status laluan di kawasan itu dapat dimaklumkan kepada masyarakat awam dan memaklumkan tempoh jangka masa yang bakal diambil untuk proses naik taraf.

Kelmarin, *Sinar Harian* melaporkan aduan beberapa pemimpin masyarakat mengenai kesesakan yang berlaku di kawasan itu sejak awal pagi selain mengharapkan terdapat laluan alternatif baru dapat dibuka memandangkan laluan yang ada sememangnya sesak terutama pada waktu puncak.

Larian Obor 31 Julai ini

BANTING - Orang ramai dijemput turut serta dalam Larian Obor sempena Sukan Sea Kuala Lumpur 2017 Peringkat Daerah Kuala Langat pada 31 Julai ini. Larian yang bertemakan Ayuh Bangkit Bersama itu akan dimulakan dari Bukit Jugra ke Kolej Matrikulasi Selangor bermula jam 1.30 petang.

Obor berkenaan akan dibawa sejauh 6.7 kilometer oleh 35 pembawa obor di mana setiap daripada mereka membawanya sejauh 200 meter sementara pelari sokongan seramai 200 orang.

Pengerusi Belia 4B Kuala Langat Hafez Shuriddin berkata, orang ramai bakal menyaksikan obor dibawa turun dari Bukit Jugra menggunakan luncur udara sebelum dibawa bersama pelari-pelari terlibat.



KLIK

ANUGERAH Kampung Orang Asli Bulut Tadom Kuala Langat memenangi Anugerah Desa Perdana 2017 Peringkat Negeri Selangor. Hadiah disampaikan Menteri Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) Datuk Seri Ismail Sabri, Haniffah, Pegawai Ketua Menteri Orang Asli (Jaka) Daerah Kuala Langat, Jantan Awang (dr).